

Bil. S 17

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH ANTIPEMERDAGANGAN ORANG, 2019

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran dan gelaran panjang
2. Tafsiran
3. Pengenaan
4. Pegawai yang diberi kuasa

BAHAGIAN II

KESALAHAN-KESALAHAN

5. Pemerdagangan orang
6. Pemerdagangan seksual
7. Mengeksploitasi orang yang diperdagangkan
8. Orang yang diperdagangkan dalam transit
9. Kerelaan orang yang diperdagangkan tidak relevan
10. Memalsukan dokumen perjalanan atau pengenalan
11. Obligasi pemilik dll. pengangkut
12. Merekrut orang
13. Percubaan, persubahatan dan pakat jahat
14. Kesalahan oleh badan korporat

15. Memudahkan pemerdagangan orang dilakukan
16. Memberikan perkhidmatan dan kemudahan kewangan bagi pemerdagangan orang

BAHAGIAN III

PENGUATKUASAAN

17. Kuasa menangkap dan menyiasat
18. Kuasa menggeledah
19. Akses kepada data berkomputer
20. Kuasa memeriksa orang
21. Kuasa memintas telekomunikasi
22. Pemberian rekod telekomunikasi
23. Pernyataan, maklumat dll. palsu
24. Halangan
25. Kos menahan pengangkut, harta alih dll. yang dirampas
26. Pelepasan pengangkut, harta alih dll. di bawah bon

BAHAGIAN IV

PROSEDUR DI MAHKAMAH

27. Kesalahan tidak boleh diikat jamin dan boleh tangkap
28. Kebenaran Pendakwa Raya
29. Keterangan melalui sambungan video
30. Keterangan kanak-kanak yang diperdagangkan
31. Mengambil keterangan sebelum perbicaraan
32. Kebolehterimaan pernyataan
33. Kelakuan seksual lampau tidak relevan

34. Pergerakan atau pengangkutan orang yang diperdagangkan tidak relevan
35. Hukuman hendaklah kumulatif
36. Penggunaan denda
37. Pelucuthakkan pengangkut, harta alih dll.
38. Perlindungan identiti orang yang diperdagangkan
39. Ejen perangkap
40. Perlindungan pemberi maklumat

BAHAGIAN V

JAGAAN DAN PERLINDUNGAN ORANG YANG DIPERDAGANGKAN

41. Tempat perlindungan
42. Memindahkan atau membantu orang yang diperdagangkan untuk melarikan diri dari tempat perlindungan
43. Bantuan kepada orang yang diperdagangkan

BAHAGIAN VI

DANA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG

44. Dana Antipemerdagangan orang
45. Wang boleh dibayar ke dalam Dana
46. Tujuan Dana

BAHAGIAN VII

AM

47. Kekebalan daripada pendakwaan jenayah
48. Pesalah dianggap sebagai pendatang yang dilarang masuk
49. Peraturan-peraturan

50. Pemansuhan S 82/2004
 51. Peruntukan peralihan dan perkecualian
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH ANTIPEMERDAGANGAN ORANG, 2019

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran dan gelaran panjang

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Antipemerdagangan Orang, 2019.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah “Suatu Perintah untuk menjenayahkan pemerdagangan orang dan bagi perkara-perkara yang berhubungan atau bersampingan dengannya”.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“melarikan orang” bermakna berhubung dengan seorang individu, memaksa dengan kekerasan, atau mendorong dengan cara menipu, individu itu untuk pergi dari mana-mana tempat;

“penyalahgunaan kedudukan mudah terdedah” bermakna mengambil kesempatan daripada kedudukan orang yang mudah terdedah kerana —

(a) telah memasuki negara secara haram atau tanpa dokumen yang sepatutnya;

(b) kehamilan atau apa-apa penyakit atau ketidakupayaan fizikal atau mental orang itu, termasuk ketagihan terhadap penggunaan apa-apa bahan;

(c) keupayaan berkurang untuk membuat pertimbangan oleh sebab penyakit, kelemahan atau ketidakupayaan fizikal atau mental;

“penyalahgunaan kuasa” bermakna apa-apa keadaan jika seorang pegawai kerajaan menggunakan kedudukannya atau mengambil kesempatan daripada kedudukannya untuk melakukan suatu kesalahan;

“kanak-kanak” bermakna seseorang yang berumur di bawah 18 tahun;

“paksaan” bermakna penggunaan kekerasan atau ancamannya, dan sesuatu bentuk penggunaan kekerasan tanpa kekejaman atau psikologi atau ancamannya, termasuk tetapi tidak terhad kepada —

(a) ancaman kecederaan atau sekatan fizikal terhadap mana-mana orang;

(b) apa-apa skim, rancangan atau corak yang dimaksudkan untuk menyebabkan seseorang itu mempercayai bahawa kegagalan menjalankan sesuatu perbuatan akan mengakibatkan kecederaan berat kepada atau sekatan fizikal terhadap mana-mana orang;

(c) penyalahgunaan atau sebarang ancaman yang ada kaitannya dengan status seseorang itu di sisi undang-undang;

“pengangkut” bermakna mana-mana kenderaan, vesel, kapal, pesawat udara, atau apa-apa cara pengangkutan lain sama ada melalui udara, laut atau darat;

“hutang di bawah bon” bermakna suatu status atau keadaan yang timbul daripada —

(a) sandaran seorang penghutang terhadap perkhidmatan diri penghutang itu atau seorang individu di bawah kawalan penghutang itu, sebagai jaminan bagi suatu hutang; dan

(b) nilai perkhidmatan itu yang munasabah yang tidak digunakan untuk menyelesaikan hutang itu, atau lamanya atau jenis perkhidmatan itu yang tidak terhad atau ditakrifkan, masing-masing;

“perdayaan” bermakna apa-apa perdayaan dengan perkataan atau dengan perbuatan tentang —

(a) jenis kerja atau perkhidmatan yang akan diberikan;

(b) syarat-syarat kerja;

(c) setakat mana orang itu akan bebas meninggalkan tempat kediamannya;

“eksploitasi” termasuk segala bentuk eksploitasi seksual (termasuk pengabdian dan eksploitasi seksual dari pelacuran orang lain), kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pengabdian dan pemindahan organ;

“kerja atau perkhidmatan paksa” bermakna segala kerja atau perkhidmatan yang diperah daripada mana-mana orang dengan ancaman sebarang hukuman dan yang baginya orang yang berkenaan tidak menawarkan dirinya secara sukarela;

“dokumen perjalanan atau pengenalan palsu” bermakna suatu dokumen perjalanan atau pengenalan yang —

(a) telah dibuat, atau diubah dengan cara material, oleh seseorang selain daripada orang atau agensi yang diberi kuasa secara sah untuk membuat atau mengeluarkan dokumen perjalanan atau pengenalan itu bagi pihak sebuah negara;

(b) telah dikeluarkan atau diperolehi melalui salah nyataan, rasuah atau tekanan atau dengan apa-apa cara lain yang menyalahi undang-undang; atau

(c) digunakan dengan salah oleh seseorang selain daripada pemegang yang sah;

“Dana” bermakna Dana Antipemerdagangan Orang yang ditubuhkan oleh bab 44(1);

“melindungi” termasuk memberi seseorang tempat berlindung, makanan, minuman, wang atau pakaian atau jalan atau perbuatan membekalkan pengangkut, atau membantu seseorang dengan apa jua cara untuk mengelakkan tangkapan;

“ketua” termasuk mana-mana orang yang memerintah atau menjaga apa-apa cara pengangkutan;

“Menteri” bermakna Menteri di Jabatan Perdana Menteri;

“kumpulan jenayah terancang” bermakna satu kumpulan berstruktur 3 orang atau lebih yang sedia ada bagi suatu tempoh masa dan bertindak bersama-sama dengan tujuan untuk melakukan satu atau lebih kesalahan atau kesalahan-kesalahan berat yang ditubuhkan menurut Perintah ini untuk mendapatkan, secara langsung atau tidak langsung, manfaat kewangan atau material lain;

“pemilik” termasuk mana-mana pemilik sebahagian, pencarter atau penerima konsainan yang memilikinya atau mana-mana ejen yang telah diberi kuasa oleh mana-mana orang itu;

“pemerdagangan orang” bermakna merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi atau menerima seseorang bagi tujuan eksploitasi sebagaimana yang dinyatakan dalam bab 5;

“premis” termasuk —

- (a) kenderaan, kapal, pesawat udara atau hoverkraf;
- (b) pemasangan yang diselenggarakan, atau dimaksudkan untuk didirikan bagi eksploitasi atau penerokaan bawah air;
- (c) khemah atau struktur boleh alih lain;

“kakitangan kerajaan” hendaklah mempunyai makna sama seperti kakitangan kerajaan di bawah Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22);

“negara penerima” bermakna mana-mana negara atau wilayah di mana orang yang diperdagangkan dibawa masuk atau diaturkan untuk dibawa masuk sebagai sebahagian daripada perbuatan pemerdagangan orang;

“undang-undang yang dimansuhkan” bermakna Perintah Pemerdagangan dan Penyeludupan Orang, 2004 (S 82/2004);

“kesalahan berat” bermakna suatu kesalahan di bawah sebarang undang-undang bertulis lain di Negara Brunei Darussalam yang baginya hukuman maksimum adalah mati, penjara bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 6 bulan, denda tidak kurang daripada \$1,000 atau lebih;

“pengabdian”, berhubung dengan seorang individu, bermakna apa-apa syarat atau obligasi, yang tidak dibenarkan oleh sebarang undang-undang bertulis, untuk bekerja atau memberikan perkhidmatan yang daripadanya individu itu tidak dapat melarikan diri atau yang individu itu tidak bebas bertukar;

“eksploitasi seksual” bermakna melibatkan individu itu dalam pelacuran, pengabdian seksual atau pemberian sebarang bentuk perkhidmatan seksual lain, termasuk melakukan apa-apa perbuatan lucah atau tidak senonoh oleh individu itu atau penggunaan individu itu dalam mana-mana rakaman audio atau visual atau gambaran perbuatan tersebut;

“tempat berlindung” bermakna mana-mana tempat berlindung yang diisytiharkan sedemikian di bawah bab 41;

“perhambaan” bermakna status atau keadaan seseorang yang ke atasnya kawalan dijalankan setakat mana orang itu diperlakukan seperti harta;

“orang yang diperdagangkan” bermakna mana-mana orang yang menjadi mangsa atau objek suatu kesalahan pemerdagangan orang tidak kira sama ada orang itu rela atau tidak;

“transit” bermakna tiba dan melalui Negara Brunei Darussalam dengan apa-apa cara pengangkutan bagi maksud meneruskan perjalanan dengan apa-apa cara pengangkutan ke suatu tempat di luar Negara Brunei Darussalam;

“dokumen perjalanan” termasuk pasport yang diiktiraf antarabangsa, sijil pengenalan dan apa-apa dokumen yang serupa, yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang diiktiraf oleh negara penerima.

Pengenaan

3. Perintah ini dikenakan, tidak kira sama ada perbuatan yang menjadikan kesalahan itu sama ada seluruhnya atau sebahagiannya berlaku di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam, dalam hal keadaan yang berikut —

(a) jika Negara Brunei Darussalam adalah negara penerima atau pemerdagangan orang berlaku di Negara Brunei Darussalam;

(b) jika negara penerima adalah sebuah negara asing tetapi pemerdagangan orang transit di Negara Brunei Darussalam;

(c) jika orang yang terlibat dalam pemerdagangan orang itu adalah rakyat Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap; atau

(d) jika orang yang diperdagangkan itu adalah rakyat Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap.

Pegawai yang diberi kuasa

4. Bagi maksud-maksud Perintah ini, orang-orang yang berikut adalah pegawai yang diberi kuasa —

(a) seorang pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei;

(b) seorang pegawai Imigresen yang dilantik di bawah bab 3 dari Akta Imigresen (Penggali 17);

(c) seorang pegawai kastam yang dilantik di bawah bab 3(1) dari Perintah Kastam, 2006 (S 39/2006);

(d) seorang pegawai yang diberi kuasa yang dilantik di bawah bab 3(1) dari Perintah Pekerjaan, 2009 (S 60/2010); atau

(e) orang atau golongan orang yang dilantik oleh Menteri dan ditetapkan dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

BAHAGIAN II

KESALAHAN-KESALAHAN

Pemerdagangan orang

5. (1) Mana-mana orang yang merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi atau menerima mana-mana orang atau orang-orang bagi maksud eksploitasi dengan salah satu atau lebih daripada cara-cara yang berikut —

(a) pemelarian;

(b) penyalahgunaan kuasa atau kedudukan mudah terdedah;

(c) perdayaan;

(d) fraud;

(e) pemberian atau penerimaan bayaran atau manfaat untuk mendapatkan kerelaan seseorang yang mempunyai kawalan ke atas orang lain;

(f) ancaman;

(g) penggunaan kekerasan atau bentuk paksaan lain;

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000,000 dan tidak kurang daripada \$10,000 bagi setiap orang yang diperdagangkan, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 4 tahun tetapi tidak melebihi 30 tahun dan sebat.

(2) Jika perekrutan, pengangkutan, pemindahan, perlindungan atau penerimaan di bawah cerai (1) bagi maksud eksploitasi adalah berkaitan dengan seorang kanak-kanak, hendaklah dianggap sebagai pemerdagangan orang walaupun ia tidak melibatkan mana-mana cara yang disebut dalam cerai (1), orang itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000,000 dan tidak kurang daripada \$10,000 bagi setiap kanak-kanak yang diperdagangkan, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 4 tahun tetapi tidak melebihi 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 5 sebatan.

(3) Jika mana-mana hal keadaan lebih berat yang berikut timbul dalam masa melakukan suatu kesalahan di bawah ini —

(a) kesalahan itu melibatkan kecederaan teruk atau kematian kepada orang yang diperdagangkan itu atau orang lain, termasuk kematian kerana membunuh diri;

(b) kesalahan itu melibatkan orang yang diperdagangkan terutama sekali orang yang mudah terdedah seperti orang yang tidak dapat menjaga atau melindungi dirinya dengan sepenuhnya kerana ketidakupayaan atau keadaan fizikal atau mental;

(c) kesalahan itu mendedahkan orang yang diperdagangkan itu kepada penyakit yang mengancam nyawa, termasuk Virus Kurang Daya Tahan Manusia yakni *Human Immunodeficiency Virus* (HIV) dan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit yakni *Acquired Immune Deficiency Syndrome* (AIDS);

(d) kesalahan itu melibatkan lebih daripada seorang orang yang diperdagangkan;

(e) kesalahan itu dilakukan sebagai sebahagian daripada aktiviti suatu kumpulan jenayah terancang;

(f) pesalah itu dahulunya telah disabitkan atas suatu kesalahan terhadap Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;

(g) kesalahan itu dilakukan oleh kakitangan kerajaan dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan awamnya;

(h) pesalah itu menggunakan dadah, senjata atau ubat dalam melakukan kesalahan itu;

(i) pesalah itu menggunakan seorang kanak-kanak sebagai rakan sejenayah atau peserta dalam kesalahan itu;

(j) pesalah itu menggunakan atau mengancam hendak menggunakan sebarang bentuk keganasan terhadap orang yang diperdagangkan itu atau keluarganya;

(k) pesalah itu merampas, memusnahkan atau cuba memusnahkan dokumen perjalanan atau pengenalan orang yang diperdagangkan itu,

pesalah itu boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000,000 dan tidak kurang daripada \$10,000 bagi setiap orang yang diperdagangkan, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 4 tahun tetapi tidak melebihi 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 5 sebatan.

Pemerdagangan seksual

6. Mana-mana orang yang, dengan niat untuk mendorong orang lain supaya terlibat dalam memberikan perkhidmatan seksual, memperdayakan orang lain itu mengenai —

(a) hakikat bahawa penglibatannya itu akan melibatkan pemberian perkhidmatan seksual;

(b) jenis perkhidmatan seksual yang akan diberikan;

(c) setakat mana orang itu akan bebas berhenti memberikan perkhidmatan seksual;

(d) jika ada atau akan ada suatu hutang yang terhutang atau didakwa sebagai terhutang oleh orang itu berhubung dengan penglibatannya itu, jumlah, atau adanya, hutang yang terhutang itu atau didakwa sebagai terhutang;

(e) hakikat bahawa penglibatannya itu akan melibatkan hutang di bawah bon atau perampasan dokumen perjalanan orang itu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 4 tahun tetapi tidak melebihi 30 tahun dan sebat tidak kurang daripada 5 sebatan.

Mengeksploitasi orang yang diperdagangkan

7. Mana-mana orang yang —

(a) terlibat dalam; atau

(b) mendapatkan keuntungan daripada,

pengeksploitasian orang yang diperdagangkan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 4 tahun tetapi tidak melebihi 30 tahun dan sebat.

Orang yang diperdagangkan dalam transit

8. Mana-mana orang yang membawa dalam transit orang yang diperdagangkan melalui Negara Brunei Darussalam dengan jalan darat, laut atau udara, atau pun selainnya mengaturkan atau memudahkan perbuatan itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 4 tahun tetapi tidak melebihi 30 tahun dan sebat.

Kerelaan orang yang diperdagangkan tidak relevan

9. Bagi maksud bab-bab 5(1), 5(2), 5(3), 6, 7 dan 8, tidaklah menjadi suatu pembelaan jika orang yang diperdagangkan itu telah merelakan pemerdagangan orang.

Memalsukan dokumen perjalanan atau pengenalan

10. Mana-mana orang yang —

- (a) membuat;
- (b) memperolehi;
- (c) memberikan;
- (d) menjual; atau
- (e) memiliki,

suatu dokumen perjalanan atau pengenalan palsu bagi maksud memudahkan suatu kesalahan permerdagangan orang dilakukan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Obligasi pemilik dll. pengangkut

11. (1) Mana-mana orang sebagai pemilik, pengendali atau ketua mana-mana pengangkut yang terlibat dalam pengangkutan barang-barang atau orang bagi keuntungan komersial hendaklah memastikan bahawa setiap orang yang membuat perjalanan di dalamnya ada memiliki dokumen perjalanan bagi kemasukan yang sah orang itu ke dalam negara penerima atau negara transit, dan jika tidak, hendaklah menolak untuk mengangkut orang itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar ceraiian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Dalam mana-mana prosiding atas suatu kesalahan di bawah bab ini, menjadi suatu pembelaan bagi pemilik, pengendali atau ketua tersebut untuk membuktikan bahawa —

- (a) dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dokumen perjalanan orang yang disebut dalam ceraiian (1) adalah dokumen perjalanan yang dikehendaki bagi kemasukan yang sah orang itu ke dalam negara penerima atau negara transit;

(b) orang yang disebut dalam cerai (1) memiliki dokumen perjalanan yang dikehendaki bagi kemasukan yang sah ke dalam negara penerima atau negara transit apabila orang itu menaiki, atau kali terakhir menaiki, pengangkutan untuk perjalanan ke negara penerima atau negara transit; atau

(c) kemasukan orang yang disebut dalam cerai (1) ke dalam negara penerima atau negara transit berlaku hanya kerana orang itu sakit atau cedera, tekanan cuaca atau apa-apa hal keadaan lain di luar kawalan pemilik, pengendali atau ketua itu.

(4) Mana-mana orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah bab ini adalah bertanggungjawab untuk membayar kos pemindahan orang yang diperdagangkan itu daripada negara penerima atau negara transit.

(5) Jika tiada pendakwaan atau sabitan di bawah bab ini, pemilik, pengendali atau ketua pengangkutan yang digunakan hendaklah bertanggungjawab secara bersesama dan berasingan bagi segala perbelanjaan yang dilakukan oleh Kerajaan berkaitan dengan penyelenggaraan orang yang diperdagangkan itu dan pemindahannya dari Negara Brunei Darussalam dan perbelanjaan tersebut boleh didapatkan balik sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

(6) Dalam bab ini, negara “transit” bermakna negara yang daripadanya, atau ke dalamnya atau melaluinya, orang yang diperdagangkan, dibawa atau membuat perjalanan melalui udara, darat atau laut atau tinggal sementara di dalamnya sebagai sebahagian daripada perbuatan pemerdagangan orang.

Merekrut orang

12. Mana-mana orang yang dengan mengetahui merekrut, atau bersetuju untuk merekrut orang lain untuk mengambil bahagian dalam melakukan suatu kesalahan pemerdagangan orang adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$50,000 dan dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun.

Percubaan, persubahatan dan pakat jahat

13. (1) Barang siapa cuba melakukan sebarang kesalahan yang boleh dihukum di bawah Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, atau bersubahat melakukan kesalahan itu, hendaklah dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

(2) Mana-mana orang yang berpakat jahat dengan orang lain untuk melakukan suatu kesalahan terhadap Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya adalah melakukan kesalahan pakat jahat untuk melakukan kesalahan itu dan boleh dihukum seolah-olah kesalahan yang dimaksudkan oleh pakat jahat itu telah dilakukan.

Kesalahan oleh badan korporat

14. Jika suatu kesalahan terhadap Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh suatu syarikat, firma, pertubuhan atau kumpulan orang lain, mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan adalah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya atau rakan kongsi syarikat, firma, pertubuhan atau kumpulan orang lain itu atau telah dikatakan bertindak atas sifat tersebut adalah dianggap sebagai melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia berusaha dengan sedaya upayanya untuk mencegah kesalahan itu daripada dilakukan sebagaimana yang patut dibuatnya, dengan mengambil kira jenis tugas-tugasnya atas sifat itu dan semua hal keadaan.

Memudahkan pemerdagangan orang dilakukan

15. Mana-mana orang sebagai pemilik, penghuni, penerima pajak atau orang yang menjaga —

(a) mana-mana premis, bilik atau tempat, dengan mengetahui membenarkan suatu mesyuarat diadakan di premis, bilik atau tempat itu; atau

(b) apa-apa kelengkapan atau kemudahan yang membolehkan perakaman, persidangan atau mesyuarat dengan menggunakan teknologi, dengan mengetahui membenarkan kelengkapan atau kemudahan itu digunakan,

bagi maksud melakukan suatu kesalahan terhadap Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Memberikan perkhidmatan atau kemudahan kewangan bagi pemerdagangan orang

16. (1) Mana-mana orang yang, secara langsung atau tidak langsung, memberikan atau menyediakan perkhidmatan atau kemudahan kewangan —

(a) dengan tujuan bahawa perkhidmatan atau kemudahan itu akan digunakan, atau dengan mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa perkhidmatan atau kemudahan itu akan digunakan, seluruhnya atau sebahagiannya, bagi maksud melakukan atau memudahkan suatu kesalahan pemerdagangan orang dilakukan, atau bagi maksud memanfaatkan mana-mana orang yang melakukan atau memudahkan suatu kesalahan pemerdagangan orang dilakukan; atau

(b) dengan mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa, seluruhnya atau sebahagiannya, perkhidmatan atau kemudahan itu akan digunakan oleh atau akan memanfaatkan mana-mana orang yang terlibat dalam suatu kesalahan pemerdagangan orang,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Bagi maksud cerai (1), “perkhidmatan atau kemudahan kewangan” termasuk perkhidmatan atau kemudahan yang ditawarkan oleh peguam atau akauntan yang bertindak sebagai penama atau ejen kepada klien mereka.

BAHAGIAN III

PENGUATKUASAAN

Kuasa menangkap dan menyiasat

17. (1) Seorang pegawai yang diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dipercayainya dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan terhadap Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Apabila mana-mana orang ditangkap oleh seorang pegawai yang diberi kuasa, pegawai itu hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan bab 33 dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggalaan 7).

(3) Dalam mana-mana kes berkenaan dengan sebarang kesalahan yang dilakukan terhadap Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, seorang pegawai yang diberi kuasa hendaklah mempunyai kuasa menyiasat yang sama dengan seorang pegawai polis di bawah Penggal XIII dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggalaan 7).

Kuasa menggeledah

18. (1) Seorang pegawai yang diberi kuasa boleh tanpa waran —

(a) memasuki dan menggeledah mana-mana premis; dan

(b) memberhentikan dan memeriksa mana-mana pengangkut atau orang, sama ada di suatu tempat awam atau tidak,

jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa apa-apa keterangan mengenai suatu kesalahan yang dilakukan terhadap Perintah ini atau mana-mana peraturan dibuat di bawahnya mungkin dijumpai di premis itu atau pada orang

itu atau di pengangkut itu dan boleh merampas apa-apa keterangan yang dijumpai itu.

(2) Tiada perempuan boleh diperiksa di bawah bab ini kecuali oleh seorang perempuan.

Akses kepada data berkomputer

19. (1) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang menjalankan pengeledahan di bawah Perintah ini hendaklah diberikan akses kepada data berkomputer sama ada distorkan dalam suatu komputer atau pun selainnya.

(2) Bagi maksud cerai (1), pegawai yang diberi kuasa itu hendaklah diberikan dengan kata laluan, kod enkripsi, kod dekripsi, perisian atau perkakasan yang diperlukan atau apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk aksesnya bagi membolehkan data berkomputer itu difahami.

(3) Mana-mana orang yang melanggar cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali, dalam hal suatu kesalahan berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$2,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

(4) Dalam bab ini, “komputer” bermakna apa-apa peranti untuk menstorkan dan memproses maklumat, dan sebarang sebutan kepada maklumat yang diperoleh daripada maklumat lain adalah suatu sebutan kepada perolehan daripadanya melalui pengiraan, perbandingan atau apa-apa proses lain.

Kuasa memeriksa orang

20. (1) Seorang pegawai yang diberi kuasa boleh, dengan notis secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang dipercayainya mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu untuk —

(a) hadir di hadapannya bagi pemeriksaan;

(b) mengemukakan di hadapannya apa-apa harta alih, rekod, laporan atau dokumen; atau

(c) memberikannya suatu pernyataan secara bertulis yang menyatakan maklumat sebagaimana yang mungkin dikehendakinya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau

kedua-duanya sekali, dan dalam hal suatu kesalahan berterusan, dikenakan suatu denda tambahan sebanyak \$2,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Kuasa memintas telekomunikasi

21. (1) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain, jika Pendakwa Raya berpendapat kemungkinannya mengandungi apa-apa maklumat yang berkaitan bagi maksud sebarang penyiasatan ke atas suatu kesalahan terhadap Perintah ini, dia boleh, atas permohonan seorang pegawai yang diberi kuasa, membenarkan pegawai tersebut —

(a) memintas, menahan dan membuka mana-mana barang pos dalam masa penghantaran melalui pos;

(b) memintas apa-apa mesej yang dihantar atau diterima oleh mana-mana telekomunikasi; atau

(c) memintas, mendengar dan merakam apa-apa percakapan dengan mana-mana telekomunikasi, dan mendengar rakaman percakapan yang dipintas itu.

(2) Apabila mana-mana orang dituduh melakukan suatu kesalahan terhadap Perintah ini, apa-apa maklumat yang diperolehi oleh seorang pegawai yang diberi kuasa di bawah ceraian (1), sama ada sebelum atau selepas orang itu dituduh, boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya.

(3) Kebenaran Pendakwa Raya di bawah ceraian (1) boleh diberikan sama ada secara lisan atau bertulis; tetapi jika kebenaran lisan diberikan, Pendakwa Raya hendaklah, dengan seberapa segeranya, mencatat kebenaran tersebut secara bertulis.

(4) Perakuan Pendakwa Raya yang menyatakan bahawa tindakan yang diambil oleh pegawai yang diberi kuasa di bawah ceraian (1) telah dibenarkan olehnya di bawah ceraian itu adalah keterangan muktamad bahawa ia telah dibenarkan demikian, dan perakuan itu boleh diterima sebagai keterangan tanpa bukti tandatangannya.

(5) Tiada seorang pun boleh di bawah apa-apa kewajipan, obligasi atau liabiliti, atau dengan apa jua cara dipaksa, mendedahkan dalam mana-mana prosiding prosedur, kaedah, cara atau cara-cara, atau apa-apa perkara yang berkaitan dengannya, apa-apa jua yang dilakukan di bawah ceraian (1)(a), (b) atau (c).

(6) Dalam bab ini —

“barang pos” mempunyai makna sama seperti dalam bab 2 dari Akta Pejabat Pos (Penggah 52);

“Pendakwa Raya” bermakna Pendakwa Raya itu sendiri;

“telekomunikasi” mempunyai makna sama seperti dalam bab 2 dari Perintah Telekomunikasi, 2001 [S 13/2002].

Pemberian rekod telekomunikasi

22. Mana-mana pihak berkuasa telekomunikasi yang ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam hendaklah memberikan rekod telekomunikasi orang yang disiasat kerana melakukan atau cuba melakukan suatu kesalahan terhadap Perintah ini jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

Pernyataan, maklumat dll. palsu

23. Mana-mana orang yang, dikehendaki membuat apa-apa pernyataan atau memberikan apa-apa maklumat atau dokumen di bawah Perintah ini —

(a) membuat apa-apa pernyataan atau memberikan apa-apa maklumat atau dokumen yang palsu atau mengelirukan dalam suatu butiran material; dan

(b) mengetahui atau sepatutnya mengetahui dengan munasabah bahawa, atau lalai tentang sama ada, ia adalah palsu atau mengelirukan dalam suatu butiran material,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Halangan

24. Mana-mana orang yang menyerang, menghalang, menggendalakan, mengadang, mengganggu atau gagal mematuhi apa-apa permintaan yang sah seorang pegawai yang diberi kuasa dalam melaksanakan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Kos menahan pengangkut, harta alih dll. yang dirampas

25. Jika mana-mana pengangkut, harta alih, rekod, laporan, dokumen atau organ manusia yang dirampas di bawah Perintah ini ditahan dalam jagaan pegawai yang diberi kuasa sementara menunggu mana-mana prosiding selesai berkaitan dengan suatu kesalahan terhadap Perintah ini, kos menahan pengangkut, harta alih, rekod, laporan atau dokumen atau organ manusia itu dalam jagaan adalah, sekiranya mana-mana orang didapati melakukan suatu kesalahan, suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh orang itu dan boleh didapatkan balik dengan sewajarnya.

Pelepasan pengangkut, harta alih dll. di bawah bon

26. (1) Jika mana-mana pengangkut, harta alih, rekod, laporan atau dokumen telah dirampas di bawah Perintah ini, seorang pegawai yang diberi kuasa boleh mengembalikan sementara pengangkut, harta alih, rekod, laporan atau dokumen itu kepada pemiliknya atas sekuriti atau bon yang diberikan sehingga memuaskan hati pegawai yang diberi kuasa itu dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh pegawai yang diberi kuasa itu, bahawa pengangkut, harta alih, rekod, laporan atau dokumen itu hendaklah diserahkan balik kepadanya apabila diminta.

(2) Mana-mana orang yang gagal —

(a) menyerahkan balik apabila diminta kepada seorang pegawai yang diberi kuasa pengangkut, harta alih, rekod, laporan atau dokumen yang dikembalikan sementara kepadanya di bawah ceraian (1); atau

(b) mematuhi atau melanggar mana-mana syarat yang dikenakan di bawah ceraian (1),

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali, dan mana-mana sekuriti atau bon yang diberikan hendaklah dilucuthakkan.

BAHAGIAN IV

PROSEDUR DI MAHKAMAH

Kesalahan tidak boleh diikat jamin dan boleh tangkap

27. Setiap kesalahan terhadap Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya tidak boleh diikat jamin dan boleh tangkap bagi maksud undang-undang berkenaan dengan prosedur jenayah.

Kebenaran Pendakwa Raya

28. Tiada pendakwaan atas sebarang kesalahan terhadap Perintah ini boleh dimulakan kecuali dengan kebenaran secara bertulis Pendakwa Raya.

Keterangan melalui sambungan video

29. Keterangan orang yang diperdagangkan hendaklah didengar melalui sambungan video atau di belakang skrin yang tidak dapat dilihat oleh tertuduh.

Keterangan kanak-kanak yang diperdagangkan

30. Siasatan ke atas dan perbicaraan jika orang yang diperdagangkan itu adalah seorang kanak-kanak hendaklah dijalankan secara tertutup.

Mengambil keterangan sebelum perbicaraan

31. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), jika permohonan dibuat oleh Pendakwa Raya atau tertuduh kepada mahkamah bagi keterangan seorang saksi diambil pada bila-bila masa sebelum tarikh suatu perkara jenayah ditetapkan untuk perbicaraan, mahkamah hendaklah mengambil keterangan saksi itu yang hadir di hadapannya.

(2) Permohonan di bawah ceraian (1) hanya boleh dibuat jika dibuktikan berkenaan dengan saksi itu bahawa adalah tidak praktik dengan munasabah untuk memastikan kehadiranannya pada masa yang ditetapkan untuk perbicaraan.

(3) Prosiding di bawah bab ini mestilah dijalankan di hadapan tertuduh dan tertuduh bersama, jika ada.

(4) Saksi yang dipanggil oleh suatu pihak untuk memberikan keterangan dalam prosiding di bawah bab ini boleh diperiksa balas oleh mana-mana pihak lain dalam prosiding itu, selepas itu saksi tersebut boleh diperiksa semula oleh pihak yang memanggilnya untuk memberikan keterangan.

(5) Apa-apa pernyataan seorang saksi yang diambil dalam prosiding di bawah bab ini boleh diberikan sebagai keterangan dalam mana-mana perbicaraan di bawah Perintah ini (sama ada atau tidak oleh hakim yang sama yang mendengar prosiding itu) walaupun orang itu tidak dipanggil sebagai seorang saksi.

Kebolehterimaan pernyataan

32. Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis yang berlawanan, bagi maksud-maksud sebarang prosiding di bawah Perintah ini —

(a) apa-apa pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seorang pegawai yang diberi kuasa dalam masa menjalankan suatu penyiasatan di bawah Perintah ini; dan

(b) apa-apa dokumen, atau salinan apa-apa dokumen, yang dirampas daripada mana-mana orang oleh seorang pegawai yang diberi kuasa pada menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Perintah ini, boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Perintah ini di hadapan mana-mana mahkamah, jika orang yang membuat pernyataan atau dokumen atau salinan dokumen itu —

- (i) mati;
- (ii) tidak dapat dikesan atau dijumpai;
- (iii) telah menjadi tidak berupaya memberikan keterangan; atau
- (iv) yang kehadirannya tidak dapat diperoleh tanpa kelengahan atau perbelanjaan yang pada pendapat mahkamah tidak munasabah.

Kelakuan seksual lampau tidak relevan

33. Dalam suatu pendakwaan atas pemerdagangan orang, keterangan mengenai kelakuan seksual lampau orang yang diperdagangkan adalah tidak relevan dan tidak boleh diterima bagi maksud membuktikan bahawa orang yang diperdagangkan itu terlibat dalam kelakuan seksual lain atau untuk membuktikan kecenderungan seksual orang yang diperdagangkan itu.

Pergerakan atau pengangkutan orang yang diperdagangkan tidak relevan

34. Dalam suatu pendakwaan atas sebarang kesalahan terhadap Perintah ini, pihak pendakwa tidak perlu membuktikan pergerakan atau pengangkutan orang yang diperdagangkan itu tetapi bahawa orang yang diperdagangkan itu telah dieksploitasi.

Hukuman hendaklah kumulatif

35. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, jika lebih daripada satu hukuman ditetapkan bagi suatu kesalahan terhadap Perintah ini, penggunaan perkataan “dan” hendaklah menandakan bahawa hukuman-hukuman itu hendaklah dikenakan secara kumulatif.

Penggunaan denda

36. Berkaitan dengan denda-denda yang dikenakan kerana melanggar bab-bab 5(1), 5(2), 5(3), 6, 7 dan 8 atau kerana bersubahat atau berpakat jahat atau cuba melakukan kesalahan itu, mahkamah boleh atas permohonan Pendakwa Raya dan, jika difikirkannya patut, mengarahkan supaya keseluruhan atau mana-mana

bahagian denda itu dibayar sebagai pampasan kepada orang yang diperdagangkan.

Pelucuthakkan pengangkut, harta alih dll.

37. (1) Semua pengangkut, harta alih, rekod, laporan, dokumen atau mana-mana organ manusia yang dirampas pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Perintah ini boleh dilucuthakkan.

(2) Mahkamah yang membicarakan mana-mana orang yang dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini boleh pada penutup perbicaraan itu, sama ada dia disabitkan atau tidak, memerintahkan supaya pengangkut, harta alih, rekod, laporan, dokumen atau mana-mana organ manusia yang dirampas daripada orang itu dilucuthakkan.

(3) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini —

(a) dalam hal mana-mana organ manusia yang dirampas, organ manusia yang dirampas itu hendaklah dianggap sebagai dilucuthakkan; dan

(b) dalam hal pengangkut, harta alih, rekod, laporan atau dokumen dirampas itu, pegawai yang diberi kuasa hendaklah menyampaikan suatu notis secara bertulis ke alamat terakhir diketahui orang yang daripadanya pengangkut, harta alih, rekod, laporan atau dokumen itu dirampas.

(4) Notis dalam cerai (3)(b) hendaklah menyatakan bahawa jika tiada pendakwaan berkaitan dengan pengangkut, harta alih, rekod, laporan atau dokumen tersebut dan bahawa pengangkut, harta alih, rekod, laporan atau dokumen itu hendaklah dilucuthakkan pada tamatnya tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis itu melainkan jika suatu tuntutan dibuat oleh orang yang daripadanya pengangkut, harta alih, rekod, laporan atau dokumen itu dirampas.

(5) Apabila notis yang dikeluarkan di bawah cerai (3)(b) diterima, mana-mana orang yang menyatakan bahawa dia adalah pemilik mana-mana pengangkut, harta alih, rekod, laporan atau dokumen yang dirampas di bawah Perintah ini yang tidak boleh dilucuthakkan boleh, sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis olehnya, memberikan notis bertulis kepada pegawai yang diberi kuasa yang dalam milikannya pengangkut, harta alih, rekod, laporan atau dokumen itu dipegang.

(6) Apabila suatu notis di bawah cerai (5) diterima, pegawai yang diberi kuasa yang membuat rampasan itu hendaklah merujuk perkara itu kepada mahkamah untuk diputuskan olehnya.

(7) Mahkamah yang kepadanya perkara itu dirujukkan hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menyatakan bahawa dia adalah pemilik pengangkut, harta alih, rekod, laporan atau dokumen itu dan orang yang daripadanya ia dirampas untuk hadir di hadapan mahkamah, dan apabila mereka hadir atau ingkar hadir, penyampaian saman itu dengan sewajarnya dibuktikan, mahkamah hendaklah terus memeriksa perkara itu, dan terbukti bahawa pengangkut, harta alih, rekod, laporan atau dokumen itu adalah hal perkara atau digunakan dalam melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini, hendaklah memerintahkan supaya pengangkut, harta alih, rekod, laporan atau dokumen itu dilucuthakkan atau boleh, sekiranya bukti tersebut tidak ada, memerintahkan pelepasan pengangkut, harta alih, rekod, laporan atau dokumen itu kepada orang yang berhak kepadanya.

(8) Mana-mana pengangkut, harta alih, rekod, laporan, dokumen atau mana-mana organ manusia yang dilucuthakkan atau dianggap sebagai dilucuthakkan hendaklah dilupuskan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dianggap patut oleh pegawai yang diberi kuasa.

Perlindungan identiti orang yang diperdagangkan

38. (1) Tiada seorang pun boleh menyiarkan atau menyebabkan disiarkan apa-apa bahan yang —

(a) mendedahkan nama atau alamat; atau

(b) memasukkan apa-apa butiran yang boleh membawa kepada pengenalan, mana-mana orang yang diperdagangkan yang berkaitan dengannya kesalahan itu dikatakan telah dilakukan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda sebanyak \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Bagi maksud-maksud cerai (1), “bahan” termasuk fotograf.

Ejen perangkap

39. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis yang berlawanan, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas suatu kesalahan terhadap Perintah ini, tiada ejen perangkap, sama ada dia seorang pegawai yang diberi kuasa atau tidak, boleh dianggap sebagai tidak boleh dipercayai hanya dengan sebab dia telah cuba melakukan atau bersubahat, atau telah bersubahat atau telah terlibat dalam pakat jahat jenayah untuk melakukan, kesalahan itu jika tujuan utama percubaan, persubahatan atau penglibatan itu adalah untuk mendapatkan keterangan terhadap orang itu.

(2) Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis yang berlawanan, suatu sabitan atas sebarang kesalahan terhadap Perintah ini semata-mata atas keterangan mana-mana ejen perangkap yang tidak disokong tidaklah menyalahi undang-undang dan tiada sabitan tersebut boleh diketepikan hanya kerana mahkamah yang membicarakan kes itu telah gagal menyebut dalam alasan penghakimannya keperluan mengingatkan dirinya tentang bahaya membuat sabitan atas keterangan tersebut.

Perlindungan pemberi maklumat

40. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selepas ini, tiada aduan tentang suatu kesalahan atau mana-mana prosiding di bawah Perintah ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah apa pun, dan tiada saksi boleh dikehendaki atau dibenarkan untuk mendedahkan nama atau alamat mana-mana pemberi maklumat atau menyatakan apa-apa perkara yang boleh menyebabkan pemberi maklumat itu diketahui.

(2) Jika apa-apa buku, dokumen atau kertas yang menjadi keterangan atau boleh diperiksa dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah apa pun mengandungi apa-apa catatan yang di dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang boleh menyebabkan dia diketahui, mahkamah yang di hadapannya prosiding itu diadakan hendaklah menyebabkan semua petikan tersebut ditutup daripada penglihatan atau dipadam setakat mana yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui.

BAHAGIAN V

JAGAAN DAN PERLINDUNGAN ORANG YANG DIPERDAGANGKAN

Tempat perlindungan

41. Menteri boleh, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, mengisytiharkan mana-mana tempat sebagai suatu tempat perlindungan bagi maksud-maksud Perintah ini.

Memindahkan atau membantu orang yang diperdagangkan untuk melarikan diri dari tempat perlindungan

42. (1) Jika orang yang diperdagangkan ditempatkan di suatu tempat perlindungan, mana-mana orang yang —

(a) memindahkan orang yang diperdagangkan itu dari tempat perlindungan tersebut tanpa autoriti yang sah;

(b) dengan mengetahui membantu atau mendorong, secara langsung atau tidak langsung, orang yang diperdagangkan untuk melarikan diri dari tempat perlindungan tersebut; atau

(c) dengan mengetahui melindungi, menyembunyikan, atau menghalang orang yang diperdagangkan yang telah melarikan diri daripada kembali ke tempat perlindungan tersebut, atau dengan mengetahui membantu berbuat demikian,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Jika mana-mana orang yang diperdagangkan yang ditempatkan di suatu tempat perlindungan dipindahkan tanpa autoriti yang sah, atau melarikan diri, dari tempat perlindungan tersebut, dia boleh diambil semula oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa dan dikembalikan dengan segera ke tempat perlindungan tersebut.

Bantuan kepada orang yang diperdagangkan

43. (1) Pengarah boleh memberikan kepada orang yang diperdagangkan bantuan sebagaimana yang dianggap bersesuaian oleh Pengarah dalam hal keadaan kes itu yang tertentu, termasuk —

- (a) tempat perlindungan;
- (b) tempat penginapan sementara;
- (c) perkhidmatan kaunseling;
- (d) bantuan perubatan dan psikologi; dan
- (e) peluang pekerjaan, pendidikan dan latihan.

(2) Menteri boleh —

- (a) melantik mana-mana pegawai kerajaan; atau
- (b) memberi kuasa secara bertulis kepada mana-mana orang,

untuk melaksanakan tugas Pengarah di bawah ceraiian (1), tertakluk kepada syarat-syarat dan batasan-batasan sebagaimana mungkin dinyatakan oleh Pengarah.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, sebarang lantikan atau pemberian kuasa di bawah ceraiian (2) tidak menyekat atau menghalang Pengarah daripada menjalankan tugas-tugas di bawah ceraiian (1).

(4) Mana-mana orang yang dilantik atau diberi kuasa di bawah ceraian (2) adalah dianggap sebagai kakitangan kerajaan dalam makna Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

(5) Dalam bab ini, “Pengarah” bermakna Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat.

BAHAGIAN VI

DANA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG

Dana Antipemerdagangan Orang

44. (1) Dengan ini ditubuhkan suatu dana yang dipanggil Dana Antipemerdagangan Orang.

(2) Dana itu hendaklah ditadbir dan diuruskan oleh Setiausaha Tetap.

Wang boleh dibayar ke dalam Dana

45. (1) Menteri boleh membenarkan pembayaran ke dalam Dana itu suatu jumlah wang atau jumlah-jumlah wang sebagaimana yang mungkin diperlukan untuk menubuhkan atau menyelenggarakannya, dan sebarang pembayaran tersebut hendaklah dikenakan kepada dan dibayar daripada Kumpulanwang Yang Disatukan.

(2) Dana itu hendaklah terdiri daripada —

(a) semua amaun yang disumbangkan oleh Kerajaan bagi penubuhan atau penyelenggaraan Dana itu daripada Kumpulanwang Yang Disatukan atau mana-mana sumber lain;

(b) semua jumlah wang yang didapatkan balik di bawah atau bagi menyelesaikan suatu penghakiman mana-mana mahkamah di bawah Perintah ini;

(c) tertakluk kepada bab 36, semua denda yang dikenakan oleh mana-mana mahkamah di bawah Perintah ini.

(3) Bagi maksud-maksud Perintah ini, wang-wang yang dibayar ke dalam Dana itu tidak menjadi sebahagian daripada Kumpulanwang Yang Disatukan.

Tujuan Dana

46. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), wang-wang dalam Dana itu hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang berikut —

- (a) pampasan kepada orang yang diperdagangkan;
 - (b) membiayai kos penghantaran balik orang yang diperdagangkan;
 - (c) membolehkan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkenaan untuk terus membanteras pemerdagangan orang;
 - (d) meningkatkan maklumat dan pendidikan orang ramai dalam mencegah, menumpaskan atau pun selainnya pemerdagangan orang;
 - (e) ganjaran kepada mana-mana orang dalam mencegah atau menumpaskan pemerdagangan orang; atau
 - (f) tujuan lain sebagaimana yang mungkin dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri untuk menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini.
- (2) Setiausaha Tetap hendaklah berunding dengan Peguam Negara sebelum menggunakan Dana itu bagi mana-mana maksud yang dinyatakan dalam cerai (1).
- (3) Wang-wang yang dibayar ke dalam Dana itu, sementara belum digunakan bagi mana-mana maksud yang dinyatakan dalam cerai (1), hendaklah disimpan atas nama Dana itu, dalam akaun semasa atau deposit, dengan sebuah atau lebih bank yang dipilih oleh Setiausaha Tetap, dan apa-apa faedah yang diperolehi dari wang-wang itu semasa disimpan dalam mana-mana akaun tersebut hendaklah dikreditkan ke akaun tersebut.
- (4) Akaun Dana itu hendaklah diaudit sekurang-kurangnya sekali setahun oleh Juruaudit Agung dan akaun yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan kepada Menteri Kewangan.
- (5) Dalam bab ini dan bab 44(2), "Setiausaha Tetap" bermakna Setiausaha Tetap kepada Jabatan Perdana Menteri.

BAHAGIAN VII

AM

Kekebalan daripada pendakwaan jenayah

47. Orang yang diperdagangkan tidak boleh dikenakan pendakwaan jenayah berkaitan dengan —

- (a) kemasukannya secara haram ke dalam Negara Brunei Darussalam;
- (b) tempoh bermastautinnya yang menyalahi undang-undang di Negara Brunei Darussalam; atau

(c) pemerolehan atau pemilikan apa-apa dokumen perjalanan atau pengenalan yang diduplikatnya secara fraud, atau yang dibekalkan kepadanya, bagi tujuan memasuki ke Negara Brunei Darussalam,

jika perbuatan tersebut adalah akibat langsung daripada suatu kesalahan perdagangan orang yang dikatakan dilakukan atau telah dilakukan.

Pesalah dianggap sebagai pendatang yang dilarang masuk

48. Seseorang, yang bukan rakyat Negara Brunei Darussalam, yang disabitkan atas sebarang kesalahan terhadap Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya adalah dianggap sebagai pendatang yang dilarang masuk di bawah bab 8 dari Akta Imigresen (Penggali 17).

Peraturan-peraturan

49. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini.

(2) Peraturan-peraturan tersebut boleh termasuk peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri.

Pemansuhan S 82/2004

50. Tertakluk kepada bab 51, Perintah Perdagangan dan Penyeludupan Orang, 2004 adalah dengan ini dimansuhkan.

Peruntukan peralihan dan perkecualian

51. (1) Pada permulaan kuat kuasa Perintah ini, Dana Perdagangan dan Penyeludupan Orang yang ditubuhkan oleh bab 19 dari undang-undang yang dimansuhkan itu hendaklah dikenali sebagai Dana Antipemerdagangan Orang yang ditubuhkan di bawah bab 44 dan semua wang yang sejurus sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini diletak hak pada Dana Perdagangan dan Penyeludupan Orang hendaklah dipindahkan kepada dan hendaklah diletak hak pada Dana Antipemerdagangan Orang tanpa jaminan lanjut.

(2) Apa-apa jua yang dilakukan atau dibuat di bawah undang-undang yang dimansuhkan itu dan berkuat kuasa sejurus sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini dan setakat mana tidak bertentangan dengan Perintah ini hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah dilakukan di bawah Perintah ini, sehingga ia dipinda, dimansuhkan atau dibatalkan di bawah Perintah ini.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 3 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1440 bersamaan dengan 6 haribulan Julai, 2019 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**